

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 7

RUANGAN : NASIONAL

Jangkitan harian kembali satu kes

Masyarakat perlu sentiasa ambil langkah pencegahan elak penularan

Oleh Rafidah Mat Ruzki dan Noor Atiqah Sulaiman
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Hanya satu kes baharu jangkitan COVID-19 dilaporkan semalam selepas lebih sebulan angka harian itu direkodkan, iaitu pada 1 Julai lalu.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham, berkata pencapaian positif itu hasil usaha dan kerjasama pelbagai lapisan ma-

syarakat serta agensi yang memainkan peranan masing-masing.

Justeru, beliau berharap masyarakat akan terus mengamalkan kelaziman baharu dalam kehidupan seharian serta mematuhi prosedur operasi standard (SOP) ditetapkan kerajaan.

Mengulas jangkitan terkini itu, katanya satu kes baharu dilaporkan semalam membabitkan penularan dalam negara iaitu kes Jangkitan Pernafasan Akut Te-



Dr Noor Hisham Abdullah

rak (SARI) yang dirawat di Hospital Tuanku Fauziah (HTF) di Perlis.

Ia menjadikan jumlah kumulatif kepada 9,002 kes positif CO-

VID-19, manakala kes aktif dengan kebolehjangkitan COVID-19 berjumlah 193 kes.

"Terdapat 16 kes pulih COVID-19 hari ini (semalam). Jumlah kumulatif kes pulih sepenuhnya dari COVID-19 adalah 8,684 kes atau 96.5 peratus daripada jumlah keseluruhan kes.


"Tiada pertambahan kes kematian COVID-19 semalam dan jumlahnya kekal 125 kes atau 1.39 peratus daripada jumlah keseluruhan kes," katanya dalam kenyataannya, semalam.

Dalam pada itu, beliau menyeru setiap lapisan masyarakat meneruskan usaha menurunkan kes COVID-19 dalam negara dengan

mengamalkan penjarakan fizikal yang selamat, menjaga kebersihan diri terutamanya kebersihan tangan, mengelakkan kawasan sempit dan sesak serta mengelakkan bertutur dengan jarak dekat.

"Penularan semula jangkitan COVID-19 di Malaysia boleh berlaku sekiranya kita laka dan mengambil mudah saranan, arahan serta amaran kerajaan.

"Justeru, masyarakat perlu terus mengambil langkah pencegahan jangkitan pada setiap masa bagi memastikan kita terus berjaya memerangi wabak COVID-19," katanya.



Tiada arahan bercuti di Kubang Pasu kena jalani saringan

Putrajaya: Tiada arahan rasmi dikeluarkan Kementerian Kesihatan kepada ibu bapa atau pelajar yang bercuti di Kubang Pasu di Kedah, untuk menjalani saringan COVID-19 di klinik kesihatan berdekatan.

Perkara itu dimaklumkan Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham, sekali gus menafikan maklumat berkenaan seperti yang tersebar dan tular melalui media sosial.

Mengulas lanjut, beliau seperti diumumkan pihaknya hanya mereka yang mempunyai sejarah kontak rapat dengan kes positif COVID-19 serta penduduk di ka-

wasan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPP) secara pentadbiran berkaitan Kluster PUI Sivagangga perlu menjalani saringan itu.

"Ia membabitkan mereka yang berada dalam radius satu kilometer dari Restoran Nasi Kandar Salleh di Pekan Napoh di Mukim Hosba, penduduk Kampung Pida Satu di Megat Dewa di Mukim Ah, penduduk Kampung Bendang Dalam di Mukim Binjal dan penduduk Kampung Ulu di Padang Sanai, Padang Terap.

"Turut perlu menjalani saringan, individu berkait rapat kedai makan yang terlibat dalam klus-

Hanya mereka ada sejarah kontak rapat dengan kes positif COVID-19 serta penduduk di kawasan PKPP secara pentadbiran berkaitan Kluster PUI Sivagangga perlu jalani saringan.

Dr Noor Hisham, Pengarah Kesihatan

ter berkenaan seperti pelanggan atau mereka yang singgah makan, serta individu yang berurusan dengan kes indeks kluster atau pekerja kedai makan itu antara 13 Julai hingga 27 Julai dan mereka yang mempunyai gejala demam atau saluran pernafasan.

"Semua individu disebutkan itu perlu segera menghubungi Pejabat Kesihatan Daerah berdekatan untuk menjalani saringan COVID-19," katanya menerusi kenyataan, di sini, semalam.

Sementara itu, beliau berkata pihaknya akan terus bekerjasama dengan Kementerian Pendidikan, Jabatan Kesihatan Negeri (JKN)

dan Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) bagi memastikan setiap arahan dikeluarkan selari dan sah.

"KKM sentiasa peka dan prihatin terhadap perkara yang boleh menimbulkan keresahan dan kerisauan orang ramai.

"Orang ramai yang mempunyai sebarang kemusykilan berhubung berita palsu seperti di atas mahupun isu lain berkaitan COVID-19, boleh menghubungi talian Pusat Kesiapsiagaan dan Tindak Cepat Krisis Kebangsaan (CPRC) KKM di talian hotline 03-88810200, 03-88810600, 03-88810700 atau melalui emel cprc@moh.gov.my," katanya.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : LOKAL



Operasi lebih masa

Empat pemilik premis ditahan ingkar arahan PKPP

PEGAWAI Penguat Kuasa Kesihatan Persekitaran (PPKP) Pejabat Kesihatan Daerah Port Dickson menjalankan pemeriksaan penguatkuasaan SOP yang perlu dititikberatkan di kawasan kolam mandi pada Ops Pematuhan SOP di sebuah hotel, semalam.



PANDEMI COVID-19

Raja Noraina
Raja Rahim
rnoraina@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Empat pemilik premis yang beroperasi lebih masa antara yang di-

tahan polis atas kesalahan ingkar arahan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP).

Menteri Kanan (Kluster Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, keseluruhan seramai 104 individu ditahan kerana ingkar arahan itu.

Menurutnya, daripada jumlah itu lima individu diaman dan 99 individu dikenakan kompaun.

"Antara kesalahan ingkar PKPP termasuk aktiviti tidak mengikut SOP iaitu 46 individu, 53 individu melakukan aktiviti membabitkan kehadiran ramai yang menyukarkan penjarakan sosial dan seorang melanggar perintah kuarantin," katanya dalam kenyataan media

semalam.

Ismail Sabri berkata, pasukan khas operasi pematuhan yang diketuai Polis Diraja Malaysia (PDRM) membuat 60,856 pemeriksaan semalam, bagi memantau menguatkuasa pematuhan prosedur operasi standard (SOP) PKPP.

Beliau berkata, 2,685 pasukan pematuhan membabitkan 12,841 anggota membuat pemantauan di 4,009 pasar raya, restoran (5,670), penjaja (1,696), kilang (1,196), bank (3,943) dan pejabat kerajaan (921).

Katanya, turut dipantau 1,199 terminal pengangkutan darat, 212 terminal pengangkutan air serta 90 terminal pengangkutan udara. Sementara itu, beliau ber-

kata, seramai lima warga asing ditahan atas kesalahan imigresen hasil pemeriksaan 29,408 kenderaan dalam 64 sekatan jalan raya di seluruh negara kelmarin.

"Dari 1 Mei sehingga semalam, seramai 2,648 pendatang asing tanpa izin (Pati), 609 tekong dan 157 penyeludup ditahan selain menahan 105 bot dan 278 kenderaan yang cuba menceroboh sempadan negara," katanya.

Mengenai operasi sanitasi awam, katanya, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melaksanakan enam operasi sanitasi meliputi enam zon termasuk satu zon kuning di Sabah.

Jelas caj kuarantin dalam masa 14 hari

Kuala Lumpur: Individu yang dikuarantin di stesen kuarantin perlu menyelesaikan pembayaran caj kuarantin dalam masa 14 hari.

Menteri Kanan (Kluster Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, mereka boleh dikenakan kompaun RM1,000 dan tindakan mahkamah sekiranya gagal menyelesaikan bayaran dalam tempoh ditetapkan.

Menurutnya, kos kuarantin di semua Stesen Kuarantin sama ada hotel atau Institut Latihan Awam (ILA) sama.

"Bagi individu enggan bayar caj kuarantin atau menandatangani LoU (perjanjian pembayaran)

akan dihantar ke ILA memandang ILA milik kerajaan dan penempatan individu terbabit boleh dilakukan tanpa pembayaran deposit terlebih dahulu.

"Ini mengelak keterdedahan individu terbabit kepada orang awam.

"Di ILA, mereka perlu menyelesaikan pembayaran caj kuarantin iaitu RM150 sehari dalam masa 14 hari," katanya.

Mengenai pengecualian pembayaran kos kuarantin, Ismail Sabri menjelaskan, pemegang kad orang kurang upaya (OKU) dan pelajar daripada keluarga B40 boleh mohon pengecualian itu.

Putuskan rantaian terlebih dahulu

Kuala Lumpur: "Matlamat kita sekarang memutuskan rantaian jangkitan Covid-19 terlebih dahulu," kata Pakar Kesihatan Pekerjaan, Kecemasan dan Kesihatan Am, Dr Hanafiah Bashirun.

Beliau mengulas cadangan badan bukan kerajaan (NGO) yang meminta kerajaan menggalakkan orang ramai menggunakan pelitup separuh muka jenis fabrik yang menepati garis panduan ditetapkan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO).

Kelab Kebajikan Masyarakat Gemilang Kuala Lumpur (Kelab Gemilang) mendedahkan berdasarkan anggaran kasar dasar pemakaian mandatori pelitup muka berpotensi

menambah sisa plastik yang tidak boleh dikitar semula sebanyak 62,000 tan, sisa tercemar sebanyak 31,000 tan dan 27,000 tan bagi sisa pembungkusan plastik negara dalam tempoh setahun jika tabiat memakai pelitup muka pakai buang diteruskan.

Dr Hanafiah berkata, tiada guna persekitaran yang cantik dan baik tetapi pandemik Covid-19 merebak dengan meluas.

"Apakah ertinya keindahan jika manusia dalam ancaman wabak, sebaiknya ketika ini kita perlu memikirkan untuk memutuskan rantaian jangkitan dengan cepat sebelum menjadi lebih teruk," katanya.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 7

RUANGAN : LOKAL



PENGAWAL keselamatan, Mohd Hadi Ahmad, 47, menutup pintu pagar Sekolah Kebangsaan Hosba.

KPM tutup sekolah ikut saranan KKM, MKN

Kuala Lumpur: Penutupan sekolah di kawasan Zon Merah Covid-19 akan dibuat Kementerian Pendidikan (KPM) berdasarkan nasihat Kementerian Kesihatan (KKM) dan Majlis Keselamatan Negara (MKN) serta perbincangan dengan kerajaan negeri.

Menteri Kanan (Pendidikan), Dr Mohd Radzi Md Jidin berkata, disebabkan itu, 213 sekolah di Kuching, Sarawak yang sepatutnya dibuka semula kelmarin ditangguhkan sehingga 17

Ogos depan.

Katanya, ia membabitkan 87 sekolah di bawah Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) Kuching, PPD Padawan (99) dan PPD Samarahan (27).

"Selepas pengumuman pelaksanaan kawalan pergerakan antara bahagian di Sarawak pada 29 Julai lalu, Jawatankuasa Penguasaan Bencana Negeri (JPBN) Sarawak dengan persetujuan KPM memutuskan untuk menangguhkan pembukaan semula 213 sekolah di negeri itu ke 17

Ogos depan.

"Bagaimanapun, kelas bagi prasekolah, tingkatan lima dan tingkatan enam beroperasi seperti biasa di ketiga-tiga PPD berkenaan," katanya pada Waktu Pertanyaan Menteri di Dewan Rakyat, semalam.

Beliau menjawab soalan Teo Nie Ching (PH-Kulai) sama ada KPM merancang menutup sekolah di zon merah Covid-19 seperti di Kuching dan sekiranya tidak, sama ada pemakaian pelitup muka adalah diwajibkan.

Menjawab lanjut Dr Mohd Radzi berkata, bagi Kedah pula, kerajaan negeri melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) Secara Pentadbiran (Temco) di empat mukim iaitu Ah, Hosba, Binjal dan Padang Senai bermula Ahad lalu.

Berikutan itu, katanya, persetujuan dicapai untuk menutup empat sekolah di bawah PPD Kubang Pasu dan satu sekolah di bawah PPD Padang Terap bermula pada 2 Ogos lalu sehingga 29 Ogos depan.

Keadaan terkawal, tiada kluster sekolah

Kuala Lumpur: Ibu bapa tidak perlu bimbang untuk menghantar anak-anak ke sekolah sebaliknya perlu mematuhi prosedur operasi standard (SOP) susulan penutupan lima sekolah dalam daerah Kubang Pasu dan Padang Terap di Kedah yang terbit dengan kluster PUI Sivagangga.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah berkata, setakat ini keadaan masih terkawal dan tiada kluster sekolah dilaporkan.

"Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) menasihati ibu bapa yang menghantar anak-anak ke sekolah mematuhi SOP bagi mencegah Covid-19," katanya.


Terdahulu, KKM turut menafikan berita yang tular di media sosial mendakwa ibu bapa yang pulang ber-

cuti hari raya Aidiladha baru-baru ini di Kubang Pasu perlu membawa anak-anak mereka menjalani saringan Covid-19 di klinik berhamiran dan tidak menghantar anak ke sekolah.

Berita yang tular itu adalah palsu dan tiada arahan sedemikian dikeluarkan daripada pihak berkuasa.

Harian Metro sebelum ini melaporkan lima sekolah dalam daerah Kubang Pasu dan Padang Terap di Kedah yang terbit dengan kluster PUI Sivagangga diarah tutup bermula Ahad lalu sehingga 29 Ogos depan.

Jabatan Pendidikan Kedah dalam kenyataan, berkata, sekolah itu ialah sekolah menengah harian berasrama iaitu Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Hosba dan SMK Megat Dewa.



PETUGAS KKM membantu penduduk yang hadir di Sekolah Kebangsaan Megat Dewa bagi melakukan ujian saringan Covid-19, semalam.

Hanya kontak rapat perlu saring

Tiada arahan ibu bapa, murid bercuti di Kubang Pasu jalani saringan

Oleh Ekhwan Haque
Fazlul Haque
ekhwan@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Tiada arahan dibuat supaya ibu bapa dan pelajar yang bercuti di Kubang Pasu, Kedah supaya menjalani ujian saringan Covid-19.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah menafikan pihak-

nya mengeluarkan arahan itu, malah hanya individu dikaitkan kluster PUI Sivagangga perlu berbuat demikian.

"Individu yang perlu menjalani saringan adalah mereka yang mempunyai sejarah kontak rapat Dr Noor Hisham Abdullah

yang berada di kawasan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) Secara Pentadbiran (Temco).
"Kawasan itu membabitkan radius satu kilometer dari Restoran Nasi Kandar Salleh, Pekan Napoh, Kampung Pida Satu, Megat Dewa, Kam-

pung Bendang Dalam dan Kampung Ulu Padang Sana," katanya dalam kenyataan, semalam.

Beliau menasihati orang ramai supaya berhati-hati menyebarkan maklumat yang diragui kesahihannya.

"Sebarang aduan boleh disalurkan kepada Pasukan Respon Pantas Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM)," katanya.

Satu lagi kes baharu Covid-19 direkod

Kuala Lumpur: Satu kes jangkitan tempatan yang direkodkan semalam membabitkan rakyat tempatan yang menjalani saringan Severe Acute Respiratory Infection (Sari) ketika rawatan di Hospital Tuanku Fauziah, Perlis.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah berkata, kes terbaharu itu menjadikan jumlah kes aktif Covid-19 cecah 193 kes dan pesakit berkenaan sudah diasingkan untuk rawatan lanjut.

Katanya, ia juga menjadikan jumlah keseluruhan 9,002 kes setakat jam 12 tengah hari semalam.

"Setakat ini, tiada kes import yang mendapat jangkitan dari luar negara selain tiada kes positif

yang dirawat di unit rawatan rapi (ICU).

"Hari ini (semalam) juga tiada kematian terbaharu dan jumlah kumulatif kematian masih kekal 125 kematian," katanya dalam kenyataan media, semalam.

Beliau berkata, KKM berterima kasih atas kerjasama rakyat Malaysia yang mematuhi prosedur operasi standard (SOP) sehingga jumlah kes menurun kepada hanya satu kes selepas jumlah sama dicatatkan pada 1 Julai lalu.

Katanya, KKM berharap masyarakat membantu meneruskan usaha menurunkan jumlah kes Covid-19 dengan mengamalkan normal baharu dalam kehidupan harian.

AKHBAR : KOSMO

MUKA SURAT : 2

RUANGAN : NEGARA

Ramai singgah untuk makan nasi kandar sebelum diserang Covid-19

Restoran tarikan sunyi sepi

Oleh NORLIDA AKMAR IDROS

JITRA – Penduduk di Napoh dekat sini mendakwa Restoran Nasi Kandar Salleh yang dikenal pasti lokasi penularan virus Covid-19 bagi Kluster PUI Sivagangga menjadi tempat persinggahan pemandu kenderaan berat.

Mereka mendakwa, rata-rata pengguna Lebu Raya Utara-Selatan terutama pemandu kenderaan berat yang berulang-alik ke kawasan Bukit Kayu Hitam dekat sini akan singgah di situ untuk menikmati nasi kandar kerana lokasinya yang strategik.

Kedua-dua itu menimbulkan persoalan selepas kedai berkenaan menjadi lokasi penyebaran Covid-19 sekali gus dikhuatiri pelanggan yang makan di situ tanpa sedar turut dijangkiti.

Akhir semalam melaporkan kedai itu juga tidak menggunakan aplikasi MySejahtera selain tidak merekodkan kehadiran pelanggan.

Kedai makan itu terletak di tepi lebu raya selain berhadapan Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC) Napoh.

Tinjauan mendapati kedai berkenaan tidak lagi beroperasi dan dilekatkan Notis Perintah Tutup Premis bermula 27 Julai lalu.

Penduduk Kampung Kubang Betong, Muhammad Faris Md. Yusoff, 29, berkata, kedai makan itu biasanya dikunjungi pengguna lebu raya yang mahu ke Bukit Kayu Hitam atau ke selatan.

"Kedai itu dibuka sejak 2008, walau bagaimanapun saya dan ahli keluarga tidak pernah makan di kedai tersebut," dakwanya ketika ditemui di sini.



SEORANG penunggang motosikal melepasi kawasan Restoran Nasi Kandar Salleh di Napoh, Jitra yang diarahkan tutup ekoran penyebaran Covid-19 pada 27 Julai lalu.

Seorang lagi penduduk, Rokiah Awang, 54, berkata, kedai itu biasanya dikunjungi pemandu kenderaan berat.

"Penduduk setempat jarang pergi ke kedai tersebut kerana banyak lagi pilihan kedai makan di sini," ujarnya.

Dalam pada itu, *Kosmo!* turut membuat tinjauan di Klinik Kesihatan Napoh yang menjadi lokasi saringan untuk kluster tersebut.

Setakat pukul 9 malam tadi, video yang disiarkan secara langsung di laman web *Kosmo!* itu mendapat lebih 39,000 tontonan.

Dalam perkembangan berkaitan, seramai 245 penduduk Megat Dewa di Mukim Ah di daerah Kubang Pasu telah menjalani saringan Covid-19 bagi

kluster tersebut.

Saringan bermula pada pukul 8 pagi hingga 12 tengah hari itu diadakan di Sekolah Kebangsaan (SK) Megat Dewa di Kodiang dekat sini.

Seorang penduduk, Roslan Awang Kechil, 51, berkata, dia melakukan saringan bersama isteri serta anaknya.

"Kami datang selepas rumah individu disahkan positif Covid-19 berada di kawasan Megat Dewa. Jarak rumah kami kira-kira 2 kilometer," katanya.

Seorang lagi penduduk, Rahmah Ahmad, 63, membuat saringan kerana tinggal di kawasan sama.

"Saya perlu lebih berhati-hati kerana usia telah lanjut," katanya.



NOTIS perintah tutup premis turut ditampal di Restoran Salleh.

KRONOLOGI KLUSTER PUI SIVAGANGGA

- 13 Julai**
 - Pengusaha kedai makan bertaraf penduduk tetap pulang dari India
 - Saringan di KIA negatif
 - Kuarantin di rumah tetapi ingkar
 - Ujian saringan kedua positif
 - Lima kontak rapat juga positif
- Kontak rapat**
 - Anak lelaki
 - Empat pekerja bukan warganegara positif
- 31 Julai**
 - Pelanggan berusia 35 dan 56 tahun positif
- 1 Ogos**
 - Isteri pelanggan berusia 56 tahun positif
- 2 Ogos**
 - Lapan ahli keluarga pelanggan berusia 35 tahun positif
 - Tiga ahli keluarga pelanggan berusia 56 tahun positif
- 3 Ogos**
 - Seorang lagi pelanggan berusia 64 tahun positif.

Hisham nafi mesej tular

PUTRAJAYA – Kementerian Kesihatan nafi telah mengeluarkan arahan kepada ibu bapa dan pelajar di Kubang Pasu, Kedah untuk menjalani saringan Covid-19 seperti yang tular baru-baru ini.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, individu yang perlu menjalani saringan Covid-19 adalah mereka yang mempunyai sejarah kontak rapat dengan kes positif.

"Ia termasuk penduduk yang berada dalam radius 1 kilometer dari Restoran Nasi Kandar Salleh, Pekan Napoh (Mukim Hosba, Kubang Pasu); Kampung Pida Satu, Megat Dewa (Mukim Ah, Kubang Pasu); Kampung Bendang Dalam (Mukim Binjal, Kubang Pasu) dan Kampung Ulu, Padang Sanai (Padang Terap).

"Selain itu, pelanggan dan mereka yang berkait rapat dengan Kluster PUI Sivagangga dari 13 hingga 27 Julai lalu juga perlu disaring," katanya dalam satu kenyataan di sini.

Kes koronavirus dunia semakin parah

KUALA LUMPUR – Pandemi Covid-19 yang melanda dunia ketika ini bagaikan tiada kesudahan apabila jumlah peningkatan terus menunjukkan peningkatan.

Setakat semalam, terdapat 18.4 juta kes telah dicatatkan sejak koronavirus mula dikesan pada Disember tahun lalu di Wuhan, China.

Daripada jumlah tersebut, Covid-19 telah mengorbankan sekurang-kurangnya 680,000 orang di seluruh dunia.

Di Amerika Syarikat (AS), bila-

ngan kes terus menunjukkan peningkatan saban hari, dengan sekitar empat juta kes dicatatkan setakat semalam berbanding 632,548 kes pada pertengahan April lalu.

Bukan itu sahaja, jumlah kes baharu juga begitu tinggi apabila lebih 48,000 sehari dicatatkan di negara tersebut kelmarin.

Lebih malang lagi, lebih 130,000 orang dilaporkan maut akibat pandemik itu di AS, iaitu yang terbanyak di seluruh dunia.

Berada di belakang AS adalah Brazil yang kini menunjukkan

terdapat 2.7 juta kes berbanding kira-kira 72,000 kes pada penghujung April lalu, dengan lebih 17,000 kes jangkitan harian dicatatkan pihak berkuasa negara itu.

Di benua Asia pula, negara seperti India menunjukkan trend membimbangkan apabila bilangan kes di sana mencecah 1.8 juta kes berbanding 33,050 kes pada April lalu.

Bahkan, jumlah kes baharu harian juga menunjukkan angka yang membimbangkan iaitu lebih 50,000 kes kelmarin.

Situasi sama juga dihadapi Filipina yang kini mencatatkan sebanyak 106,330 kes berbanding sekitar 6,000 kes pada pertengahan April.

Lebih 3,000 kes harian kini direkodkan di negara berkenaan menyebabkan kerajaan menguatkuasakan perintah berkurung mulai semalam.

Sementara itu, China yang merupakan lokasi asal penularan Covid-19 mencatatkan 84,464 kes sahaja berbanding sekitar 82,000 kes pada hujung bulan April dengan 43 kes harian direkodkan.

AKHBAR : KOSMO

MUKA SURAT : 7

RUANGAN : NEGARA

Jumlah itu meliputi nisbah seorang doktor kepada 454 penduduk

Malaysia ada 71,041 doktor perubatan

Oleh ZULKIFLI MANZOR

KUALA LUMPUR – Malaysia mempunyai seramai 71,041 doktor perubatan yang berkhidmat di sektor awam dan swasta dengan nisbah seorang doktor boleh memberi khidmat kepada 454 penduduk setakat ini.

Menteri Kesihatan Datuk Seri Dr Adham Baba berkata, daripada jumlah itu, sebanyak 73 peratus atau seramai 51,912 doktor perubatan berdaftar dan berkhidmat di bawah Kementerian Kesihatan.

"Nisbah ini adalah lebih baik berbanding nisbah satu kepada 500 (1:500)," katanya pada sesi soal jawab persidangan Dewan Rakyat di sini semalam.

Beliau menjawab pertanyaan Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad (PH-Kuala Selangor) yang ingin tahu mengenai bilangan doktor di bawah Kementerian Kesihatan dan nisbah doktor bagi setiap penduduk Malaysia.

Dalam pada itu, Dzulkefly juga ingin tahu sama ada Malaysia merancang untuk menambah bilangan doktor selari dengan saranan nisbah Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) yang



Seramai 6,530 doktor pergigian dan 11,616 ahli farmasi ini berkhidmat di bawah Kementerian Kesihatan."

menyarankan satu doktor bagi setiap 500 penduduk.

Sementara itu, Adham memberitahu, sehingga 30 Jun lalu, seramai 11,059 doktor pergigian bekerja dalam sektor awam dan swasta dengan nisbah seorang doktor bagi 2,963 penduduk di Malaysia.

Selain itu, katanya, seramai 19,341 ahli farmasi bekerja dalam sektor awam dan swasta dengan nisbah satu bagi 1,694 penduduk.

"Seramai 6,530 doktor pergigian dan 11,616 ahli farmasi ini berkhidmat di bawah Kementerian Kesihatan," jelasnya.

Mengulas lanjut katanya, WHO atau sebarang pertubuhan antarabangsa tidak pernah menetapkan sasaran nisbah anggota perubatan kepada penduduk bagi mana-mana negara.



SEBANYAK 73 peratus atau 51,912 doktor perubatan berdaftar dan berkhidmat di bawah Kementerian Kesihatan setakat ini. – GAMBAR HIASAN

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 4
RUANGAN : NEGARA

Satu kes Covid-19 membabitkan penularan tempatan

PUTRAJAYA – Kementerian Kesihatan merekodkan hanya satu kes Covid-19 semalam membabitkan penularan tempatan.

Angka tersebut menjadikan kes positif Covid-19 di Malaysia adalah sebanyak 9,002 kes dengan jumlah kebolehhangkitan kes sebanyak 193 kes.

Ketua Pengarah Kesihatan,

Datuk Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, satu kes baharu berkenaan dikesan membabitkan rakyat tempatan yang dirawat di Hospital Tuanku Fauziah, Perlis.

"Tiada kes import yang mendapat jangkitan dari luar negara direkodkan.

"Dalam pada itu, terdapat 16 kes yang telah pulih Covid-19

pada hari ini (semalam)," katanya dalam kenyataan di sini semalam.

Katanya, jumlah kumulatif kes yang telah pulih sepenuhnya adalah sebanyak 8,684 kes (96.5 peratus daripada jumlah keseluruhan kes).

"Selain itu, tiada kes positif Covid-19 yang dirawat di Unit

Rawatan Rapi dan tiada pertambahan kes kematian berkaitan Covid-19 dilaporkan," katanya.

Beliau berkata, jumlah kumulatif kes kematian Covid-19 di Malaysia adalah kekal sebanyak 125 kes (1.39 peratus daripada jumlah keseluruhan kes).

"Negara pernah kali pertama merekodkan satu kes harian Co-

vid-19 ialah 1 Julai lalu.

- "Kementerian ingin mengucapkan terima kasih kepada semua pihak kerana pencapaian ini sememangnya adalah hasil usaha dan kerjasama setiap peringkat dan lapisan masyarakat serta agensi terbabit dalam memainkan peranan masing-masing," katanya.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 5

RUANGAN : PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

Nisbah seorang doktor untuk 454 penduduk

KUALA LUMPUR - Malaysia mempunyai seramai 71,041 doktor perubatan yang berkhidmat di sektor awam dan swasta dengan nisbah seorang doktor boleh memberi khidmat kepada 454 penduduk setakat ini.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Adham Baba berkata, daripada jumlah itu, 73 peratus atau seramai 51,912 doktor perubatan berdaftar dan berkhidmat di bawah Kementerian Kesihatan (KKM).

"Nisbah ini adalah lebih baik berbanding nisbah satu kepada 500 (1:500)," katanya pada sesi soal jawab persidangan Dewan Rakyat di sini semalam bagi menjawab pertanyaan **Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad (PH-Kuala Selangor)** yang ingin tahu mengenai bilangan doktor di bawah KKM dan nisbah doktor bagi setiap penduduk Malaysia.

Dr Dzulkefly turut ingin tahu sama ada Malaysia merancang untuk menambah bilangan doktor selari dengan saranan nisbah Pertubuhan

Kesihatan Sedunia (WHO) yang menyarankan satu doktor bagi setiap 500 penduduk.

Mengulas lanjut, Dr Adham berkata, sehingga 30 Jun lalu terdapat 11,059 doktor pergigian yang bekerja di sektor awam dan swasta menjadikan nisbah doktor pergigian kepada penduduk adalah bersamaan dengan 1:2,963.

Katanya, daripada jumlah ini menurutnya, seramai 6,530 doktor pergigian iaitu 59 peratus adalah berdaftar dan berkhidmat di KKM.

"Bagi jumlah ahli farmasi pula, terdapat seramai 19,341 ahli farmasi yang bekerja di sektor awam dan swasta dan ini menjadikan nisbah ahli farmasi kepada penduduk adalah bersamaan dengan 1:1,694.

"Daripada jumlah ini, seramai 11,616 ahli farmasi iaitu 60 peratus adalah berdaftar dan berkhidmat di KKM," katanya.

Selain itu, beliau menjelaskan bahawa kenaikan pangkat doktor pakar di KKM lebih cepat berbanding anggota kesihatan bukan pakar.



DR ADHAM

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 10

RUANGAN : MEMERANGAI WABAK COVID-19

Hanya satu kes baharu dilaporkan

Catat angka terendah selepas kali terakhir pada 1 Julai lalu

KUALA LUMPUR

Covid-19 kembali mencatat angka terendah apabila hanya satu kes baharu dilaporkan semalam.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah berkata, kali terakhir negara mencatat angka berkenaan adalah pada 1 Julai lepas.

Menurutnya, dengan perkembangan itu jumlah kumulatif kes positif di Malaysia adalah 9,002 kes dan jumlah kes aktif dengan kebolehanjangkitan adalah sebanyak 193 kes.

"Ingin dimaklumkan bahawa satu kes baharu yang dilaporkan hari ini (semalam) adalah kes

penularan di dalam negara yang melibatkan warganegara Malaysia iaitu kes saringan *Severe Acute Respiratory Infection* (SARI) yang dirawat di Hospital Tuanku Fauziah, Perlis.

"Tiada kes import yang mendapat jangkitan dari luar negara yang dilaporkan pada hari ini (semalam). Adalah dimaklumkan bahawa tiada kes positif yang dirawat di unit rawatan rapi (ICU) dan tiada pertambahan kes kematian dilaporkan," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Dr Noor Hisham berkata, terdapat 16 kes pulih semalam menjadikan jumlah kumulatif kes yang telah pulih sepenuhnya dari Covid-19 adalah sebanyak 8,684 kes atau 96.5 peratus daripada jumlah keseluruhan kes.

Katanya, beliau menzahirkan



DR NOOR HISHAM

penghargaan kepada seluruh pihak atas kerjasama memastikan penurunan kes harian kembali kepada satu kes semalam sambil menyeru masyarakat terus mengamalkan normal baharu dan mematuhi prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan.

"Ini sememangnya adalah hasil usaha dan kerjasama setiap peringkat dan lapisan masyarakat serta agensi terbabit dalam memainkan peranan masing-masing.

"Setiap lapisan dan kumpulan masyarakat diseru agar dapat meneruskan usaha menurunkan kes Covid-19 di negara kita dengan mengamalkan penjarakkan fizikal yang selamat iaitu sekurang-kurangnya satu meter di antara satu sama lain, menjaga kebersihan diri terutamanya ke-

bersihan tangan, mengelakkan kawasan yang sempit dan sesak serta mengelakkan bertutur dengan jarak yang dekat," kata beliau.

Beliau juga mengingatkan penularan semula jangkitan Covid-19 di Malaysia boleh berlaku sekiranya masyarakat leka dan mengambil mudah saranan, arahan serta amaran kerajaan.

Dalam pada itu, Dr Noor Hisham memaklumkan, berita tular mengenai arahan kepada ibu bapa dan pelajar yang ber-cuti di daerah Kubang Pasu, Kedah perlu menjalani saringan Covid-19 di klinik kesihatan berdekatan adalah palsu.

Jelasnya, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) tidak mengeluarkan sebarang arahan rasmi seperti yang tular sebaliknya menjelaskan individu yang perlu menjalani saringan adalah mereka yang mempunyai sejarah kontak rapat dengan kes positif atau individu yang mempunyai


gejala demam atau gejala saluran pernafasan.

Ini termasuk penduduk yang berada di kawasan di bawah Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) secara pentadbiran dalam radius satu kilometer daripada Restoran Nasi Kandar Salleh, Pekan Napoh (Mukim Hosba, Kubang Pasu); Kampung Pida Satu, Megat Dewa (Mukim Ah, Kubang Pasu); Kampung Bendang Dalam (Mukim Binjal, Kubang Pasu); dan Kampung Ulu Padang Sanai (Padang Terap).

Selain itu, individu berkait rapat dengan kedai makan yang terabit dalam Kluster Sivagangga sebagai contoh pelanggan atau berurusan dengan kes indeks kluster ini atau dengan pekerja seperti yang tular sebaliknya menjelaskan individu yang perlu menjalani saringan adalah mereka yang mempunyai sejarah kontak rapat dengan kes positif atau individu yang mempunyai

SITUASI TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA SETAKAT SEMALAM

Bilangan kes Covid-19 mengikut negeri di Malaysia




JUMLAH KES BAHARU DAN SEMBUH DILAPORKAN SETIAP HARI

JUMLAH KESELURUHAN:	9,002	PULIH:	8,684	ICU:	0	KEMATIAN:	125	KES BAHARU	+1
---------------------	--------------	--------	--------------	------	----------	-----------	------------	------------	-----------

*Dikemas kini pada jam 5 petang 4 Ogos 2020

Jumlah jangkitan Covid-19 di Malaysia semalam meningkat daripada 9,001 kes kepada 9,002 kes



INFO@SINARHARIAN.COM

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 8

RUANGAN : DALAM NEGERI

Termometer inframerah selamat digunakan

PUTRAJAYA: Kementerian Kesihatan memandang serius isu tular di laman sosial berkaitan keselamatan penggunaan termometer inframerah tanpa sentuh yang didakwa boleh menyebabkan kecederaan kepada otak atau lebih spesifik kepada kelenjar pineal.

Ketua Pengarahnya, Datuk Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, penggunaan termometer inframerah tanpa sentuh dan pengimbas haba boleh digunakan dan penting sebagai satu kaedah saringan wabak Covid-19.

Katanya, termometer inframerah tanpa sentuh tidak memancarkan radiasi sebaliknya direka untuk mengesan dan menyerap isyarat sinaran inframerah dari permukaan kulit yang diubah menjadi isyarat elektrik.

"Litar elektronik di dalam termometer memproses isyarat elektrik untuk menentukan suhu tubuh manusia yang diukur dan memaparkannya di skrin paparan.

"Oleh kerana termometer inframerah tidak memancarkan radiasi berbahaya, ia selamat digunakan," katanya dalam satu kenyataan.

Tambah Noor Hisham, terdapat juga termometer inframerah yang menggunakan laser untuk membantu penen-



NOOR HISHAM ABDULLAH

tuan titik arah suhu dan ia juga selamat digunakan.

Katanya, termometer dan termometer inframerah tanpa sentuh termasuk dalam definisi peranti perubatan dan tertakluk kepada keperluan pendaftaran di bawah Akta Peranti Perubatan 2012 (Akta 737).

Noor Hisham berkata, sebanyak 64 jenama termometer inframerah didaftarkan dan menerima kebenaran untuk diimport dan dibekalkan ke negara ini.

"Melalui laluan akses khas, tujuh jenama termometer inframerah lain turut diberi kebenaran untuk tujuan sama bagi memenuhi keperluan semasa mencegah wabak Covid-19," katanya.

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES
 MUKA SURAT : 3
 RUANGAN : STORY OF THE DAY/NEWS



People queuing up to be tested for Covid-19 at SK Megat Dewa in Kubang Pasu yesterday, following the detection of the Sivagangga cluster in the district. PIC BY AMRAN HAMID

'Spike in cases if people fail to use tracing app'

KUALA LUMPUR: Failure to use the MySejahtera application properly could lead to an increase of Covid-19 cases among Malaysians.

Deputy Health Minister Datuk Dr Noor Azmi Ghazali said many people, especially those returning from abroad, were not disciplined in using the application, developed by the government to allow for a systematic self-assessment in curbing the pandemic.

"We found a study showed that 24.6 per cent of the 31,000 individuals subjected to the home surveillance order (HSO) did not conduct self-assessment using the MySejahtera application.

"They should do it every day but didn't," he said after appearing as a guest on the *Jendela Fikir* programme produced by Bernama Radio yesterday.

"We are concerned about people's apathy and thoughtlessness after the Movement Control Order (MCO) was lifted.

"For example, those who have returned from abroad are subject to HSO, but they are violating rules such as leaving their homes, cutting off the wristbands (for Covid-19 detection) and failing to do self-assessment."

He said quarantined individuals who did not use the application had made it difficult for the relevant parties to track their

whereabouts and assess their health status, on top of their failure to comply with the directives, which could lead to legal action.

Dr Noor Azmi said the MySejahtera application was useful to help the Health Ministry identify close contacts in the event of a Covid-19 infection in the community, besides preventing the emergence of new clusters.

On Monday, Health director-general Datuk Dr Noor Hisham Abdullah said the government would gazette the use of MySejahtera application in all premises nationwide through the Prevention and Control of Infectious Diseases Act 1988 (Act 342).

Dr Noor Azmi said the mandatory use of face masks on public transport and in crowded public places effective Aug 1 was the right step taken by the government to curb the spread of the Covid-19 pandemic.

On the Recovery Movement Control Order (RMCO), from June 10 to Aug 31, he said the government would make a decision based on the current situation and changes in the development of zero infections in the country.

"The continuation of the RMCO or implementation of another MCO will depend on the situation."

Health D-G: Only 1 new case recorded yesterday

KUALA LUMPUR: For the second time in as many months, Malaysia recorded only one new Covid-19 case yesterday, bringing the total number of cases in the country to 9,002.

Health director-general Datuk Dr Noor Hisham Abdullah yesterday said the new case involved a Malaysian who had severe acute respiratory infection (SARI) after experiencing fatigue, loss of appetite, fever and cough.

He said the patient was admitted to Tuanku Fauziah Hospital in Kangar, Perlis, for treatment.

This brings the total number of active cases in the country to 193, he said, adding that the case was a local transmission.

Dr Noor Hisham said it had been over a month since the country last recorded just one new Covid-19 case, with the last time being on July 1.

He attributed this to the efforts and cooperation extended by everyone in the community, as well as roles played by all the agencies involved.

"The Health Ministry hopes that the people will continue to abide by the new normal in their daily lives and follow the standard operating procedures in place."

He cautioned that a resurgence in cases was likely if the people became complacent and did not



The Health Ministry hopes that the people will continue to abide by the new normal in their daily lives...

DATUK DR NOOR HISHAM ABDULLAH
 Health director-general

take the directives seriously.

"It is important that the community continues to take preventive measures to ensure that we emerge victorious in this fight against Covid-19," he said.

Dr Noor Hisham rejected claims on social media that the ministry had instructed those who recently vacationed in Kubang Pasu, Kedah, to undergo

Covid-19 screening.

The claims on social media were believed to be referring to the Sivagangga cluster, which has led to the Targeted Enhanced Movement Control Order (TEMCO) being enforced in four sub-districts in Kedah.

"The Health Ministry has never released any official statement to that effect."

He said those who should go for screening were people who had close contact with Covid-19 positive patients, people living in TEMCO areas, those who had patronised the restaurant at the centre of the Sivagangga cluster, or had contact with the restaurant staff between July 13 and July 27.

Dr Noor Hisham urged the people to always check on the veracity of such claims.

He said there were also no imported cases identified in the last 24 hours, with no new fatalities recorded.

The death toll stands at 125 cases.

"Up to 12pm today (yesterday), 16 patients have been allowed to return home.

"To date, 8,684 patients have fully recovered, bringing the total recovery rate to 96.5 per cent."

Dr Noor Hisham added that there were no Covid-19 patients in the Intensive Care Unit.

'Couple spotted with wristbands not in Persons Under Surveillance list'

GEORGE TOWN: Police have identified a couple who was seen in public wearing what were thought to be Persons Under Surveillance (PUS) wristbands with the words "high risk" written on them.

An image of the couple at the Penang Hill parking lot on Saturday went viral on social media.

Due to a long queue for tickets at the Penang Hill counter, the couple decided instead to visit the Queensbay Mall, where they were spotted by other members of the public. One patron later lodged a police report.

However, checks by police revealed that the couple was actually wearing wristbands acquired at the Corgi and The Gang Pet Cafe in New World Park, which they had visited prior to their trip to Penang Hill.

Patrons of the café are required to wear the wristbands, and

since the couple, a 21-year-old factory operator from Permatang Tengah and his 22-year-old partner, who is a shop assistant from Sungai Puyu, wanted to visit the establishment again later that night, they kept the wristbands on.

Nevertheless, Northeast district police chief Assistant Commissioner Soffian Santong said the couple had been called to assist in investigations.

"Based on our checks with the Health Ministry, we found that both individuals are not in the list of PUS.

"They have also never been overseas," he said yesterday.

All PUS who return from overseas are required to wear pink wristbands and undergo a mandatory two-week quarantine.

Soffian advised people to comply with Covid-19 standard operating procedure, especially for home quarantine.

AKHBAR : THE STAR

MUKA SURAT : 16

RUANGAN : NATION

Doctor-patient ratio exceeds target

Ministry: Malaysia's average medical workforce well above WHO guidelines

KUALA LUMPUR: Malaysia has reached the doctor-patient workforce ratio recommended by the World Health Organisation (WHO) for universal health coverage, said the Health Ministry.

The "Health Workforce Requirements For Universal Health Coverage And The Sustainable Development Goals" report by WHO had recommended a ratio of one healthcare worker, comprising a doctor and trained nurse, to every 225 people.

"However, Malaysia at this point has reached the ratio of one healthcare worker (comprising a doctor and trained nurse) to every 186 people.

This is more than the recommended target by WHO to obtain better universal health coverage," Health Minister Datuk Seri Dr Adham Baba said.

He was replying to Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad (PH-Kuala Selangor), who asked to state the number of doctors who serve the Health Ministry and the doctor-patient ratio in Malaysia.

He had also asked if Malaysia intended to increase the number of doctors so that it would ideally be in line with WHO's recommendation of one doctor for every 500 people.

Dr Adham said WHO or any international organisation had set a

certain ratio for the number of medical workers in any country.

"However, the ministry will take measures to increase the training capacity for medical, dentistry and pharmacy graduates," he added.

Dr Adham said there were 71,041 medical doctors working in both the public and private sectors here, hence the ratio of one doctor to every 454 Malaysians.

This, he said, was a better ratio than the 1:500 recommended by WHO.

From the 71,041, Dr Adham said 51,912 or 73% were working with the Health Ministry.

He also said that as of June 30,

there were 11,059 dentists working in both the private and public sectors as well.

From that, some 6,530 were dentists registered and working with the Ministry.

Dr Adham said Malaysia had a ratio of one dentist to every 2,963 Malaysians.

As for pharmacists, he said there were 19,341 pharmacists in both the public and private sectors, which made the ratio of one pharmacist to every 1,694 Malaysians.

He also said from the total, there were 11,616 pharmacists registered and working with the Health Ministry.

“However, the ministry will always take measures to increase the training capacity for medical, dentistry and pharmacy graduates.

Dr Adham Baba

AKHBAR : THE SUN

MUKA SURAT : 3

RUANGAN : NEWS WITHOUT BORDERS



Residents of Kampung Megat Dewa undergoing Covid-19 testing at SK Megat Dewa in Kubang Pasu, Kedah yesterday. —MASRY CHE ANI/THE SUN

Call for heavier action against quarantine breakers

Once a green zone, Kedah now has 114 cases, with 11 detected within three-days

BY IAN MCINTYRE
newsdesk@thesundaily.com

ALOR STAR: Kedahans are calling for stern action against those flouting mandatory quarantines as the state plunges deeper into a second wave of the Covid-19 outbreak.

Kedah, one of the few states to have achieved green zone status only weeks ago, now has 114 cases, with 11 discovered within the past 72 hours. The state had gone through 60 days without any reported infections until last month.

The new cases are from the Sivagangga cluster, concentrated in Jitra in the Kubang Pasu district. It started with a nasi kandar outlet owner returning from India with the infection.

Pink pet cafe bracelet sparks alarm

GEORGE TOWN: Pink bracelets that were used by a pet cafe to identify its customers caused panic in Penang over the weekend.

A tourist who took a photo of a couple wearing them uploaded it on social media. Another tourist who saw the post, immediately lodged a police report.

The police apprehended the couple only to discover the bracelets had the words "Husky and the Gang" on it.

The couple, a 21-year-old factory worker and his 22-year-old girlfriend who live in

He flouted home quarantine and in the process infected his family and then his employees.

Four localities have now been placed under an enhanced movement control order. Five public schools have also been ordered to close until the end of the month.

Agricultural activities in the state, known as the "Rice Bowl" of Malaysia, have also been reduced.

A Health Department spokesman said about 30,000 residents, including farmers, will be directly or indirectly affected by the new outbreak.

Azman Yusoff, a committee member of the Kedah Malay Chamber of Commerce, said authorities should enforce harsher penalties on those who flout quarantine rules.

"People have become complacent after being allowed to go out during the recovery movement control order," he told *theSun* yesterday.

Deputy Speaker of the state assembly Datuk Juhari Bulat said Kedahans must work

together to prevent a new wave of infections.

"If it worsens, Langkawi may have to revert to its previous policy of banning inbound travellers until the curve of infections is flattened."

Langkawi Business Association deputy president Datuk Issac Alexander said the blame should be put squarely on those who flout home quarantine.

"Just because of a few individuals, all Malaysians must now be placed in designated quarantine centres when they return home from abroad," he said.

"It's a lesson for us not to be (irresponsible)."

He added that a campaign to encourage the use of face masks is essential.

"People are confused on when or how to wear face masks. We cannot afford another lockdown. It will ruin the economy."

Perlis also recorded a case on Tuesday, leaving Penang as the only green zone in the country.

A state is declared a green zone after 14 days without any new infections.

boarded a crowded railcar to the summit.

Another tourist, disturbed by the image on social media, lodged a police report to get the authorities to take action.

The police eventually tracked down the couple at Queensbay Mall, only to discover that it was all a misunderstanding.

North-East district police chief ACP Soffian Santong said the couple were not listed as persons under surveillance, who are required to undergo home quarantine. — by Ian McIntyre

Discipline essential in containing Covid-19 outbreak

KUALA LUMPUR: Malaysians have been urged to be more disciplined in using the MySejahtera application developed by the government to enable self-assessment to control the spread of Covid-19.

Deputy Health Minister Datuk Dr Noor Azmi Ghazali said failure by people, especially individuals returning from abroad, in using the application could cause an increase in the number of infections.

"We are concerned about people's carelessness and thoughtlessness after the movement control order was lifted. For example, those who have just returned from abroad are subjected to the home surveillance order (HSO), but are violating rules such as leaving home, cutting off their wristband (for Covid-19 detection) and failing to do self-assessment."

"We found (a study) revealing 24.6% of the 31,000 individuals subjected to the HSO did not conduct self-assessment using the MySejahtera application. They should do it every day but did not," he said after appearing as a guest on the *Jendela Fikir* programme yesterday.

He said quarantined individuals who were not using the application made it difficult for the relevant parties to track their whereabouts and assess their health status, on top of their failure to comply with directives, adding that such individuals would face action. — Bernama

ONE COVID-19 CASE RECORDED, NO DEATHS

PETALING JAYA: The Health Ministry yesterday recorded only one new Covid-19 case, bringing the total number of cases to 9,002. The case was a local transmission detected in Perlis, said Health director-general Datuk Seri Dr Noor Hisham Abdullah in a statement yesterday. The case was detected through screening for those with severe respiratory infection, he said, adding that there are 193 active cases being treated at health facilities. The total number of recoveries stands at 8,684. On another matter, he denied the ministry had ordered parents and students who went for a vacation in Kubang Pasu, Kedah, to undergo Covid-19 screening at the nearest health clinic. "The ministry has never issued any official directive. This is false," he said. He said individuals who needed to undergo screening were those who had close contact with Covid-19 patients, or those living in areas under the targeted enhanced movement control order, or those linked to persons under investigation in the Sivagangga cluster.

80 NABBED FOR FLOUTING HOME SURVEILLANCE ORDER

PETALING JAYA: The police have taken action against 80 individuals who failed to comply with standard operating procedures (SOP) under the home surveillance order (HSO) upon their return from abroad. As of yesterday, police checked 2,078 individuals still undergoing the 14-day mandatory home quarantine. Senior Minister (Defence) Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob said in a press statement. "The police and health officials will carry out regular inspections to monitor these individuals to ensure they are following the SOP under the HSO." Ismail Sabri said police also arrested 104 individuals yesterday for flouting the SOP. Out of 104, five were remanded and the rest were fined. Apart from that, five individuals were detained yesterday during operations against illegal immigrants.